



TEKS UCAPAN



YB DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN
MENTERI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL USAHAWAN & KEPENGGUNAAN
SARAWAK 2016

DI LAWAS, SARAWAK

12 MAC 2016

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

YB Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hasan

Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar II, Menteri Kemudahan Awam dan

Menteri Pembangunan Perindustrian Sarawak, mewakili Yang Amat Berhormat

Ketua Menteri Sarawak

Yang Berhormat Datuk Haji Mohd Naroden bin Haji Majais

Menteri Muda di Jabatan Ketua Menteri (Pembangunan Usahawan Bumiputera) dan

Menteri Muda Perancangan Sumber Sarawak

Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri dan Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri Sarawak

Wakil-Wakil Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan, Pemimpin-Pemimpin Masyarakat, Persatuan dan Koperasi

Dif-Dif Kehormat, Rakan-Rakan Media, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah, rahmat dan kurniaNya dapat kita bersama-sama berhimpun di Taman Awam Lawas, Sarawak Negeri Kenyalang pada hari ini, bagi menyambut perayaan Karnival Usahawan dan Kepenggunaan Sarawak 2016.

2. Pertama sekali saya bagi pihak seluruh warga KPDNKK selaku penganjur bersama program ini ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Haji Adenan bin Haji Satem, Ketua Menteri Sarawak di atas kesudian untuk menerima kehadiran kami menganjurkan program selama 3 hari ini. Ia secara langsung membuktikan bahawa Yang Amat Berhormat sangat prihatin terhadap pembangunan keusahawanan di negara ini dan khususnya di Sarawak.

3. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak kerana bersetuju menjadikan Lawas sebagai lokasi pertama Karnival Usahawan dan Kepenggunaan ini, yang turut akan diadakan di Lundu serta Gedung pada bulan hadapan. Sokongan padu yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dalam menjayakan program ini jelas memperlihatkan hubungan erat antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri yang sedia terjalin dan sungguh bermakna. Jalinan rapat ini amat dirasai lebih-lebih lagi kerana program ini bukan sahaja bertumpu kepada karnival semata-mata, tetapi juga

dianjurkan Regata Lawas, yakni Pesta Lumba Perahu yang turut di adakan pada masa yang sama.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Karnival Usahawan dan Kepenggunaan Sarawak 2016 diadakan bertujuan untuk:

- Memperkenal dan mempromosi produk desa kepada pasaran terbuka.
- Meningkatkan jalinan kerjasama antara usahawan dengan pelanggan serta mengkaji kekurangan dan kelebihan produk mereka.
- Meningkatkan kesedaran usahawan supaya mendaftar produk mereka sebagai hak cipta.
- Selain menghebahkan kepada pengunjung berkaitan peluang serta peranan kementerian serta agensi-agensi di bawahnya mengenai keusahawanan.

5. Untuk makluman para hadirin sekalian, pelbagai aturcara telah disusun di sepanjang program carnival ini dijalankan selama tiga (3) hari.

Di antaranya ialah:

- Ceramah keusahawanan
- Pameran daripada KPDNKK serta agensi-agensi dibawahnya;
- Pameran daripada agensi-agensi kerajaan negeri;
- Ekspo dan jualan produk koperasi dari Sarawak;
- Program pepadanan perniagaan;
- Khidmat nasihat oleh agensi Kerajaan;
- Gerai makanan dan minuman yang dinamakan 'Kitchen' yang mengenengahkan produk serta masakan dari negeri Sarawak;
- Persembahan kebudayaan; dan
- Pelbagai lagi bagi memeriahkan karnival ini

6. Untuk makluman semua, pelbagai agenda dan program telah dilaksanakan oleh kementerian untuk manfaat rakyat di Negeri Sarawak ini khususnya berkaitan perniagaan. Sebagai contoh, melalui program Francais, beberapa siri Program Francais Komuniti telah diadakan di negeri Sarawak ini bertujuan untuk mendedahkan masyarakat di negeri ini mengenai peluang-peluang perniagaan francais yang boleh diceburi yang mana telah terdapat juga beberapa usahawan yang telahpun menjadi usahawan francais.

7. Manakala melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang merupakan agensi di bawah KPDNKK, yang telah menganjurkan program yang dinamakan sebagai SSM- ONE; bertujuan mempertingkatkan kesedaran berkaitan kewajipan mendaftarkan perniagaan dan pengurusan perniagaan yang baik serta menyediakan secara *one stop centre* pelbagai kemudahan pembangunan perniagaan dan pembiayaan keusahawanan. Program ini telah di adakan pada bulan November tahun lalu di Kuching dan akan di adakan sekali lagi pada hujung bulan Mac ini berdasarkan sambutan yang memberansangkan.

8. Melalui Perbadanan Nasional Berhad (PNS) pula kementerian mensasarkan peningkatan bilangan perniagaan di Sarawak yang menyertai program *Business in transformation (BIT)*. Program BIT merupakan platform yang sesuai bagi usahawan yang ingin memperkembangkan perniagaan mereka dan seterusnya dibangunkan kearah francais. Setakat ini Sarawak mempunyai 3 usahawan BIT dan disasarkan 3 lagi perniagaan akan menyertai program BIT. Disamping itu, PNS juga telah memberi pembiayaan kepada 20 francaisi di Sarawak dan mengharapkan bilangan ini akan terus meningkat.

9. Pelbagai program koperasi dan keusahawanan turut di adakan di negeri ini menerusi Bank Rakyat termasuklah Seminar Sistem Kredit Islam di Kuching pada tahun lalu, Program Mentor Mentee di mana Koperasi Koppes Sarawak Berhad telah berjaya dibimbing oleh Bank Rakyat melaksanakan sistem pembiayaan secara

syariah. Manakala Wakil Khidmat Bank Rakyat pula sebanyak tujuh (7) wakil terdiri daripada koperasi telah diwujudkan di negeri ini.

10. Sukacita saya ingin memaklumkan juga, bahawa bilangan koperasi berdaftar sehingga 31 Disember 2015 di Negeri Sarawak ialah 931 buah dengan bilangan keanggotaan seramai 329,331 orang. Manakala jumlah modal syer dan yuran terkumpul ialah sebanyak RM165.45 juta dan nilai aset terkumpul bagi koperasi di Negeri Sarawak bagi tempoh yang sama pula berjumlah RM562.29 juta dengan jumlah 'turnover' yang dicatatkan ialah RM227 juta. Ini menunjukkan bahawa koperasi di negeri ini adalah antara yang terbaik di antara ribuan koperasi yang terdapat di seluruh negara. Syabas diucapkan!!!

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

11. Tanggungjawab utama KPDNKK ialah sentiasa memberi keutamaan dalam isu KOS SARA HIDUP untuk menjaga kepentingan rakyat sejajar dengan prinsipnya sebagai sebuah *Caring Ministry*. Atas tanggungjawab itu, pelbagai program telah diadakan di seluruh negara bagi membantu rakyat dengan menyediakan pelbagai insentif, bantuan serta kemudahan terutamanya kepada golongan pertengahan ke bawah. Ini termasuklah juga menyediakan kedai-kedai yang menjual harga barangan dengan harga yang berpatutan selain membantu meningkatkan perniagaan bagi mereka yang di kawasan pedalaman.

12. Bagi Negeri Sarawak, antara program yang telah dilaksanakan termasuklah:

- **Kedai Rakyat 1 Malaysia** – Menawarkan sebanyak 234 jenis barangan yang harganya lebih berpatutan. Walaupun murah, kerajaan tidak berkompromi dengan kualiti dan keselamatan barangan yang dijual di KR1M. Kini sebanyak 33 buah kedai KR1M telah diwujudkan di Sarawak daripada 185 keseluruhannya.

- **Borneo Mart** – Bagi kawasan yang tidak mempunyai kedai KR1M, pihak KPDNKK melalui kerjasama pihak swasta telah mewujudkan kedai runcit konsep baru yang turut menawarkan harga yang berpatutan seperti KR1M. Kini terdapat 19 kedai yang telah beroperasi, manakala 20 lagi akan diwujudkan di negeri ini. Apa yang membanggakan, Lawas merupakan lokasi pertama Borneo Mart ini diwujudkan pada tahun 2014 iaitu di Merapok.
- **Transformasi Kedai Runcit (TUKAR)** - Bertujuan untuk memodenkan kedai runcit tradisional sedia ada bagi meningkatkan daya saing dalam persekitaran perniagaan peruncitan yang kompetitif. Di Sarawak terdapat 23 kedai TUKAR sejak ia mula dilaksanakan di negeri ini pada tahun 2012.
- **Projek Pemodenan Bengkel Automotif (ATOM)** - Bertujuan untuk memodenkan bengkel kenderaan tradisional sedia ada juga bagi meningkatkan daya saing dalam persekitaran perniagaan peruncitan yang kompetitif. Kini terdapat 15 bengkel di bawah ATOM yang beroperasi di negeri Sarawak.

13. Alhamdulillah program-program yang saya sebutkan tadi, merupakan satu pendekatan yang dilihat banyak membantu rakyat di negeri ini untuk mendapatkan akses kepada kemudahan serta bantuan yang sama dinikmati oleh rakyat di Semenanjung. Kerajaan Persekutuan menerusi KPDNKK akan terus bersama Kerajaan Negeri Sarawak di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri bagi memastikan rakyat di negeri ini terus menikmati kemudahan dan bantuan yang disediakan kerana kita (kerajaan) sentiasa merasai denyut nadi rakyat.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

14. Saya berharap semoga penganjuran Karnival Usahawan Dan Kepenggunaan Sarawak 2016 ini dapat membuka minda rakyat khususnya masyarakat setempat

bahawa masa hadapan bidang keusahawanan adalah cerah dan sentiasa terbuka luas. Ke arah itu, sama-samalah kita tingkatkan usaha, kemahiran dan pengetahuan untuk membangunkan diri kita agar keyakinan masyarakat terus dipertingkatkan sejajar dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan masyarakat usahawan yang lebih kompetitif, berdaya tahan, berdaya saing, progresif dan berintegriti.

15. Akhir sekali, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak serta anggota pentadbirannya kerana sudi menerima kehadiran kami di bumi Kenyalang yang bertuah ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program Karnival Usahawan dan Kepenggunaan Sarawak 2016 ini.

Sekian. Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.